



10 MAY, 2020

Jagung ubah hidup juruteknik kilang

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2



AZMI menunjukkan hasil tuaian jagung yang berwarna ungu atau lebih dikenali sebagai King Purple. — fotoBERNAMA

Jagung ubah hidup juruteknik kilang

BENARLAH kata pepatah, berbakti kepada tanah pasti ada hasilnya. Azmi Abu, 47, yang dahulunya seorang juruteknik kilang berpendapatan sekitar RM3,500 sebulan, kini mampu meraih pendapatan mencecah ratusan ribu ringgit bagi setiap musim tuaian hasil tanaman jagung seluas 76 ekar di Kuala Pilah.

Beliau juga merancang untuk memperluaskan kawasan tanaman itu, yang terdiri daripada jagung manis serta jagung ungu atau dikenali sebagai King Purple, kepada 80 ekar lagi bagi meningkatkan pengeluaran dan hasilnya akan dieksport ke pasaran antarabangsa.

Bapa kepada empat anak itu berkata kejayaan beliau hari ini tidak datang bergolek sebaliknya diraih selepas menempuh pelbagai cabaran dan rintangan kerana menceburi sektor penanaman jagung tanpa sebarang ilmu.

"Dahulu saya bekerja di sebuah kilang di Senawang tetapi bila lihat orang tanam jagung, saya rasa industri ini boleh dikembangkan dan boleh dikomersilkan, dari situlah timbulnya

minat untuk jadi petani.

"Pada tahun 2007, saya mulakan secara sambilan kerana belum berani untuk berhenti kerja, saya mula tanam jagung manis seluas tiga ekar dengan modal RM3,000 atas tanah yang disewa di Tanjung Ipoh, Kuala Pilah tetapi banyak masalah timbul, antaranya pertumbuhan pokok tidak sekata, isi jagung tidak penuh selain tanaman diserang ulat. Boleh dikatakan tiada hasil yang diperoleh," katanya ketika ditemui Bernama.

Azmi berkata beliau kemudian memutuskan untuk merujuk kepada Jabatan Pertanian Kuala Pilah serta Pertubuhan Peladang Kawasan Tanjung Ipoh, dan akhirnya telah dihantar untuk mengikuti kursus tanaman jagung.

Katanya selepas mengikuti kursus penanaman jagung yang betul dan lebih bersistematik, pada 2008 beliau berjaya mengembangkan projek itu kepada kawasan seluas 17 ekar di Kampung Parit Mainau, Kuala Pilah sebelum mengambil keputusan nekad untuk berhenti kerja serta memberi fokus kepada tanaman tersebut.

"Sehingga kini, saya sudah mempunyai tiga kawasan tanaman di tanah persendirian di Kampung Ampang Tinggi dengan kawasan seluas 76 ekar, iaitu 70 ekar jagung manis yang boleh menghasilkan kira-kira 400,000 tongkol jagung setiap musim manakala enam ekar lagi King Purple yang boleh menghasilkan 60,000 tongkol setiap musim.

"Dari segi hasil pendapatan pula, untuk keseluruhan tanaman jagung ini, saya dapat raih puluhan ribu ringgit dengan kadar purata harga bagi setongkol jagung manis kira-kira RM0.70 manakala jagung King Purple RM1.40 tetapi nilai ini adalah sebelum jagung-jagung ini digredkan," katanya.

Menurut Azmi, hasil tanamannya yang boleh dituai tiga kali setahun itu dibekalkan kepada kilang memproses jagung di Melaka untuk dijadikan jagung leraian dan 'retort sweet corn' sebelum dibekalkan ke seluruh negara.

"Kita juga ada ambil semula jagung yang telah diproses ini untuk dijual selain turut menjualkannya kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Negeri Sembilan," katanya. — Bernama



10 MAY, 2020

Jagung ubah hidup juruteknik kilang

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BENARLAH kata pepatah, berblikti kepada tanah pasti ada hasilnya. Azmi Abu, 47, yang dahulunya seorang juruteknik kilang berpendapatan sekitar RM3,500 sebulan, kini mampu meraih pendapatan mencecah ratusan ribu ringgit bagi setiap musim tuaian hasil tanaman jagung seluas 76 ekar di Kuala Pilah.